

112

NO.SOALAN : 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**[SIPITANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Pusat untuk menyediakan bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak sehingga meliputi kawasan luar bandar serta langkah-langkah drastik meminimumkan kekerapan gangguan bekalan tenaga elektrik.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan subsidi dan sokongan kewangan kepada rakyat **Sabah berjumlah RM23.1 bilion pada tahun 2001 hingga 2016**, merangkumi:
  - (i) RM12.6 bilion subsidi gas;
  - (ii) RM5.7 bilion subsidi bahan api diesel dan *Medium Fuel Oil* (MFO);
  - (iii) RM2.6 bilion pembiayaan langsung Kerajaan Persekutuan;
  - (iv) RM2.1 bilion pinjaman mudah; dan
  - (v) RM80.1 juta rebat tarif.
2. Subsidi dan sokongan kewangan ini adalah bagi membolehkan syarikat utiliti pembekalan elektrik iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) memberikan pembekalan elektrik yang berdaya harap di Sabah. Pemberian subsidi dan sokongan kewangan ini

membolehkan pelbagai inisiatif untuk meminimumkan gangguan bekalan tenaga elektrik di negeri Sabah dilaksanakan. Tahap keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dapat dilihat melalui pengurangan kadar SAIDI di Sabah daripada 4,109 minit/pengguna/tahun pada tahun 2005 kepada 240.9 minit/pengguna/tahun pada tahun 2017. Penurunan SAIDI sebanyak 94.1% dalam tempoh 12 tahun ini merupakan pencapaian yang amat memberangsangkan. Semua usaha ini turut dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan pada kadar tarif purata yang rendah supaya tidak membebankan rakyat Sabah.

3. Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) juga telah membelanjakan RM3.2 bilion dalam tempoh 2010 hingga 2017 bagi memperluaskan capaian bekalan elektrik sehingga kawasan pedalaman di Sabah.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Hal berkaitan pembekalan elektrik di Sarawak termasuk pembangunan infrastruktur dan perancangan tenaga jangka panjang, adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 1 (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan Perintah Penggantungan Kuat Kuasa Akta (Sarawak) 1990 di mana negeri Sarawak adalah terkecuali daripada penguatkuasaan keseluruhan Akta 447.

5. Walaubagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui KKLW telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM3.3 bilion dari tahun 2010 hingga 2017 untuk pembangunan infrastruktur bekalan elektrik di kawasan luar bandar negeri Sarawak.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat juga,

6. Kerajaan sedang meneruskan usaha-usaha untuk mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah dengan menujuhkan *Task Force 150* (TF150) untuk mengambil langkah-langkah drastik bagi mengurangkan kadar SAIDI sehingga 150 minit/pengguna/tahun di Sektor 1 iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2018.

7. Selain itu, bagi mengurangkan kadar gangguan bekalan elektrik, Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) telah :
- (i) menubuhkan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) pada tahun 2015 bertujuan untuk melaksanakan projek-projek pembekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.3 bilion; dan
- (ii) memperuntukkan sebanyak RM1.64 bilion untuk pembangunan bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah dan RM1.49 bilion bagi pembangunan bekalan elektrik luar bandar negeri Sarawak.
8. Kesan sinergi daripada inisiatif-inisiatif Kerajaan untuk meminimumkan gangguan bekalan elektrik ini dijangka akan membolehkan sasaran SAIDI bagi Sabah iaitu 100 minit/pengguna/tahun berjaya dicapai pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih

.....

**SOALAN ( 48 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2018  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING  
[ BINTULU ]

SOALAN :

**YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah kejayaan dan kemajuan negara yang telah dicapai sejak Pelan Transformasi Negara (NTP) yang merangkumi 2 komponen iaitu Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP); dan
- (b) apakah kesinambungan pelan-pelan transformasi tersebut dengan Transformasi Negara 2050 (TN50).

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dalam laluan pembangunan ekonomi menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Sasaran negara berpendapatan tinggi telah disarankan dalam Model Ekonomi Baharu yang diperkenalkan pada 30 Mac 2010. Pencapaian sasaran ini adalah melalui pelaksanaan inisiatif di bawah Program Transformasi Negara (NTP) merupakan satu usaha yang menyeluruh untuk melonjakkan Malaysia ke arah negara maju. Program Transformasi Negara yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan pada tahun 2010 kini dalam fasa terakhir menjelang tahun 2020. Matlamat utama Program Transformasi Negara adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, ETP adalah berteraskan dua komponen utama, iaitu fokus dan daya saing. Program ini merangkumi 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan dipacu oleh enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Gabungan NKEA dan SRI ini disasarkan untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per

Kapita Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah US\$444 bilion menjelang tahun 2020. Secara keseluruhan, negara kita semakin hampir dengan sasaran yang ditetapkan dan hasil pencapaian NTP dapat dirumuskan dengan penunjuk utama prestasi seperti berikut:

1. Pertumbuhan ekonomi yang dinamik;
2. Pnk per kapita semakin menghampiri paras negara pendapatan tinggi;
3. Peluang pekerjaan kian meningkat;
4. Sumbangan pelaburan swasta semakin meningkat;
5. Langkah-langkah konsolidasi fiskal berjalan lancar; dan
6. Pembangunan ekonomi yang inklusif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Kerajaan (GTP) pula disasarkan dengan matlamat untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan serta memantapkan institusi awam. Di bawah GTP versi 1.0 dan 2.0, komitmen utama Kerajaan adalah untuk memastikan setiap rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang baik dengan memberi tumpuan kepada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Tujuh NKRA tersebut merangkumi:

- (i) mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar;
- (ii) mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar;

- (iii) mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah;
- (iv) mengurangkan Jenayah;
- (v) mempertingkatkan Pencapaian Pelajar;
- (vi) menangani Kos Sara Hidup; dan
- (vii) membanteras Rasuah.

Setelah tujuh tahun pelaksanaan GTP, pelbagai hasil kejayaan dan limpahan manfaat dirasai secara keseluruhannya oleh rakyat. GTP telah berjaya menepati sasaran KPI yang telah ditetapkan pada setiap tahun sejak diperkenalkan, hasil usaha penyampaian awam yang meningkat dan produktif. Pelbagai kemajuan yang signifikan telah dicatatkan melalui semua NKRA. GTP telah berjaya menepati sasaran KPI yang telah ditetapkan pada setiap tahun sejak diperkenalkan, hasil usaha penyampaian awam yang meningkat dan produktif.

Selain itu, Kerajaan telah memulakan satu inisiatif untuk memastikan hala tuju Malaysia dalam tempoh 30 tahun ke tahun 2050 dinamakan sebagai Transformasi Nasional 2050 atau TN50 (2021 – 2050). Ianya merupakan kesinambungan kepada dasar pembangunan jangka panjang Negara bermula daripada Dasar Ekonomi Baru (1971 – 1990) dan Wawasan 2020 (1991 – 2020). Keunikan TN50 adalah kerana ianya

disediakan daripada rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Kaedah yang digunakan bagi menggubal Dasar TN50 adalah dengan menggabungkan input aspirasi daripada rakyat (*bottom up*) bersama dengan panduan input kumpulan pakar melalui kertas dasar yang disediakan oleh Agensi Pusat, Kementerian dan pihak swasta (*top down*) dengan mengambil kira trend-trend mega dunia yang sedang dan akan melanda Malaysia. Seterusnya dapatan daripada proses ini akan digarap dengan berkesan bagi membentuk Dasar TN50.

Melalui Program Transformasi Negara (NTP) ini, pelbagai bentuk transformasi telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam usaha mewujudkan “*Good Governance*” dalam urus tadbir negara, melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara moden, progresif dan dapat dipacu ke arah mencapai wawasan kebangsaan, menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, yang bukan hanya maju dari segi pembangunan material semata tetapi terjamin kesejahteraan kehidupan rakyat secara inklusif. Oleh itu, Transformasi Nasional TN50 ini adalah amat relevan sebagai panduan hala tuju negara untuk masa hadapan dalam menangani cabaran semasa dan mendatang selepas tahun 2020.

Penilaian dan kemajuan NTP secara mendalam boleh dirujuk pada halaman-halaman laporan tahunan terkini manakala maklumat lanjut berkenaan TN50 boleh diperolehi daripada laman sesawang TN50 di [www.mytn50.com](http://www.mytn50.com).

Sekian, terima kasih.

April 2018

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10636**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status terkini siasatan kes pembantu rumah Indonesia Adelina Lisao yang telah meninggal dunia di Bukit Mertajam. Nyatakan sama ada beliau merupakan PATI mangsa penyeludupan manusia seperti yang dilaporkan dalam media Indonesia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Bt Tengah Repot 1882/18 di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Seksyen 55A Akta Imigresen atas kematian seorang pembantu rumah warganegara Indonesia bernama Adelina Lisao berumur 21 tahun pada 10 Februari 2018.**

**Tangkapan telah dibuat ke atas seorang lelaki dan 2 orang wanita yang merupakan majikan kepada mangsa. Suspek telah didakwa di mahkamah pada 21 Februari 2018.**

**Mangsa merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Pihak polis juga menjalankan siasatan di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) dan kes ini masih dalam siasatan.**